

## SIARAN MEDIA Untuk Siaran Segera

# MSM MEMETERAI TAWARAN EKSPORT GULA KASAR KE CHINA

Sasaran mengeksport 45,000 MT gula kasar ke China

**KUALA LUMPUR, 30 Ogos 2024** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka negara "Gula Prai", mengumumkan jangkauan pasarannya yang diperluas dengan perjanjian eksport gula kasar ke China, salah satu daripada lima destinasi eksport terbesar untuk MSM termasuk Filipina, Singapura, Indonesia dan Vietnam.

Pada 2022, eksport gula MSM ke China berjumlah 16,258 MT. Angka ini meningkat lebih daripada dua kali ganda kepada 32,790 MT pada 2023, menyerlahkan keupayaan pengeluaran MSM yang mantap dan mengukuhkan reputasinya untuk memberikan produk yang memenuhi piawaian antarabangsa. Peningkatan ketara ini menunjukkan bahagian pasaran MSM yang semakin meningkat dalam pasaran gula China.

Hubungan perdagangan MSM dengan China bermula pada 2019 dengan pembekalan gula cair kepada perusahaan makanan dan pertanian terkemuka China. Perkongsian ini kini telah berkembang termasuklah eksport gula kasar. Di bawah perkongsian ini, MSM akan mengeksport gula kasar berkualiti tinggi ke China melalui China Food Trading (COFCO), mencerminkan komitmen kedua-dua syarikat terhadap kecemerlangan dan amalan mampan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Kejayaan penghantaran percubaan 1,000 kg gula kasar pada tahun 2023 merupakan peristiwa penting bagi MSM. Untuk 2024, kami mengunjurkan mengeksport 45,000 MT gula kasar ke China. MSM mempunyai sasaran 100,000 – 200,000 MT setahun dalam jangka sederhana untuk China dengan ruang kapasiti yang tersedia dari kilang penapisan MSM Johor melalui program peningkatan yang berterusan. Perjanjian penting ini menggariskan fokus strategik MSM pada pengembangan pasaran antarabangsa dan seterusnya mengukuhkan penerimaan kehadiran kami ke dalam pasaran China,".

"Kami berbesar hati menerima kunjungan beberapa delegasi dari China di MSM Johor sejak tahun lepas. Lawatan ini mempamerkan kapasiti, kemudahan dan keupayaan MSM Johor sambil kami terus berusaha ke arah menjadi pusat penapisan gula bertaraf dunia, menekankan komitmen kami terhadap kualiti, kecemerlangan dan inovasi dalam industri," tambah Syed Feizal.

Dengan penambahan dua gudang penyimpanan gula bertapis baharu, MSM Johor bersedia untuk mengembangkan kapasiti simpanan dalamannya, menambah fasiliti pembungkusan, dan mengurangkan pergantungan pada penyewaan gudang luar serta mencapai kecekapan kos rantai bekalan yang lebih baik. Lokasi MSM Johor adalah geo-strategik untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di China dan menyokong matlamatnya untuk menjadi pusat penapisan gula bersepadu termasuk menawarkan produk nilai tambah seperti gula cair dan pracampuran. MSM kini mengeksport ke 20 negara di Asia Pasifik, Asia Selatan, Timur Tengah, Eropah dan baru-baru ini Amerika Utara yang memperoleh hasil eksport melebihi RM600 juta setahun. Pendapatan eksport dijangka meningkat tahun ke tahun.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara yang terkemuka dan berada di antara 10 kilang penapisan gula terbaik di dunia. MSM disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) dan FTSE4GOOD Bursa Malaysia Syariah (F4GBMS), setelah meningkatkan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang diiktiraf oleh ambang penarafan Russel FTSE UK. MSM memajukan ekonomi kitaran melalui inisiatif sisa kepada hijau atau 4R dan secara aktif mengurangkan jejak karbonnya sebagai komitmen terhadap tindakan iklim. MSM menyasarkan untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2030.

**-TAMAT-**

### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2023, MSM mengeluarkan sebanyak 992,000 tan gula bertapis, di mana 242,077 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM2.24 billion setakat 22 April 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)